


**A. Bulatkan jawapan yang betul.**

- 1 Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan kawasan sekolah?  
 A Supaya semua orang melawat sekolah kita.  
 B Supaya kita dapat belajar dengan selesa.  
 C Supaya guru-guru tidak malu dengan kita.
- 2 Kumari terpecahkan pasu bunga kesayangan ibunya. Apakah yang patut dia lakukan?  
 A Mendiamkan diri.  
 B Cepat-cepat bersembunyi.  
 C Memberitahu ibunya perkara sebenar dan meminta maaf.
- 3 Bagaimanakah caranya kita mengeratkan hubungan dengan ahli keluarga?  
 A Membantu mereka jika mereka ditimpa kesusahan.  
 B Berpura-pura tidak mengenali mereka.  
 C Tidak mempedulikan mereka.
- 4 Penganut agama \_\_\_\_\_ berpuasa pada bulan Ramadhan.  
 A Buddha  
 B Hindu  
 C Islam

5




Nilai murni yang ada pada diri Ah Chong ialah \_\_\_\_\_.


- A berani  
 B jujur  
 C rajin

[10 markah ]

B. Warnakan gambar yang menunjukkan cara menghormati ahli keluarga.



[3 markah ]

**C. Lukiskan  pada kenyataan yang menunjukkan kepentingan saling menghormati kepada ahli keluarga.**

1	Membantu ibu	- meringankan kerja ibu	
		- memenatkan ibu	
2	Ketika bersalaman dengan ibu bapa	- tanpa melihat wajah ibu bapa	
		- digalakkan mencium tangan ibu bapa	
3	Ketika nenek demam	- memperlahankan bunyi radio	
		- menguatkan bunyi radio	
4	Semasa ibu memberi teguran	- mengabaikan teguran ibu	
		- mendengar dan mematuhi teguran ibu	
5	Semasa makan bersama keluarga	- memanggil dan menjemput orang tua makan	
		- terus makan tanpa menjemput orang tua	






[10 markah ]

**D. Gariskan jawapan yang betul**

- 1 Saya (beribadat , bergaduh) setiap hari.
- 2 Saya (senyap , bernyanyi) semasa bapa berdoa.
- 3 Saya (membersihkan diri , bermain) sebelum beribadat.
- 4 Saya (berlari , duduk) dengan sopan di tempat beribadat.
- 5 Saya berdoa supaya keluarga saya ( musnah , selamat).

[5 markah ]

**E. Padankan pernyataan yang sesuai dengan gambar.**

1 	Memakai pakaian sekolah dengan kemas
2 	Membantu ibu bapa membawa barang
3 	Menghormati datuk dan nenek
4 	Menjaga ibu yang sedang sakit
5 	Membantu ibu membuat kerja rumah

[5 markah ]

F. Tandakan betul ( ✓ ) pada pernyataan yang menunjukkan sikap rajin dan salah ( ✕ ) pada sikap yang tidak elok.

1 Calvin menolong ibu mengangkat kain di ampaian.

2 Jasper membantu ibu melipat kain.

3 Ali tidak membantu adik beradiknya mengemas rumah.

4 Githa menolong ayahnya mencuci kereta.

5 Mariam tidur ketika ibu sedang masak didapur.

6 Johan selalu mengganggu adik ketika dia bermain.

7 Aisyah suka membantu neneknya menjemur padi.

8 Kamal membantu adik membuat kerja sekolah.

[16 markah ]

**G. Warnakan perasaan ahli keluarga kamu jika kamu berkelakuan seperti di bawah.**



seronok

kecewa



gembira

sedih



bangga

marah



suka


tidak suka



[8 markah ]

### H. Padankan gambar berikut dengan pernyataan yang betul.

1




Membantu mak cik memasukkan telur-telur ke dalam kotak.

2



Membantu ibu menyusun pakaian yang telah dilipat di dalam almari.

3



Membantu nenek bangun agar dia dapat minum dengan selesa.

4



Saya akan mengucapkan terima kasih pada ayah.

5



Saya akan menyediakan hadiah untuk hari lahir adik.

[5 markah ]

**I. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.**

bertanggungjawab	bising	beribadat	mengemas	pakaian
kebersihan	suis	tugas	keagamaan	marah

- 1 Sebagai anak, kita mestilah mematuhi amalan \_\_\_\_\_ dalam keluarga.
- 2 Kita tidak boleh membuat \_\_\_\_\_ semasa ahli keluarga sedang bersembayang.
- 3 Semasa perayaan \_\_\_\_\_ dijalankan, kita perlu mengikut ibu bapa ke tempat beribadat.
- 4 Ibu bapa akan merasa \_\_\_\_\_ jika kita tidak menghormati amalan beribadat yang dilaksanakan oleh ahli keluarga.
- 5 Pakailah \_\_\_\_\_ yang bersih semasa beribadat bersama-sama.
- 6 Setiap anak perlu melaksanakan \_\_\_\_\_ yang diberikan dalam keluarga.
- 7 Selepas bangun dari tidur, kita hendaklah \_\_\_\_\_ katil sendiri tanpa mengharapkan ibu.
- 8 Jagalah \_\_\_\_\_ tandas di rumah selepas menggunakannya.
- 9 Anak yang \_\_\_\_\_ selalu membantu ibu dan ayah.
- 10 Tutup \_\_\_\_\_ lampu dan kipas jika tidak lagi menggunakan bilik tersebut.

[10 markah ]




J. Tandakan  $\checkmark$  pada gambar yang menunjukkan sikap toleransi dan X pada sikap yang tidak bertoleransi.

1



2



3



4



5



[ 5 markah ]

K. Padankan kebaikan berkerjasama berdasarkan situasi yang terdapat di dalam gambar.



- Mengeratkan hubungan
- Mewujudkan Pergaduhan
- Memudahkan tugas
- Hidup Harmoni
- Rumah Menjadi Kotor

[3 markah ]

*Soalan Tamat*

PENILAIAN	MARKAH
Komunikasi	/ 5
Kerajinan / Kerja harian	/ 5
Kelakuan / sikap	/ 5
Kebersihan	/ 5
<b>JUMLAH</b>	<b>/ 20</b>